

28 MAY 2001

MAHATHIR-LRT

KERAJAAN TIMBANG SEMULA RANCANGAN BELI ASET LRT

RAWANG, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang menimbang semula rancangannya untuk memperoleh aset syarikat transit aliran ringan (LRT), Projek Usahasama Transit Aliran Ringan (PUTRA) dan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR), pada harga RM5.5 bilion.

"Kita sedang mengkaji samada hendak membeli atau tidak (aset-aset ini) atau samada kita harus mencari jalan lain untuk menjadikan keretapi itu berdaya maju," katanya hari ini.

Tahun lepas, kerajaan mengumumkan ia akan membeli aset kedua-dua PUTRA dan STAR dengan menerbitkan bon berjumlah RM5.5 bilion menerusi Jentera Tujuan Khas bagi membantu para pengendali LRT.

Bercakap di pelancaran keretapi monorel buatan tempatan di sini, Dr Mahathir berkata perkhidmatan LRT tidak berdaya maju dari sudut kewangannya kerana para pengendali tidak dibenar mengenakan tambang sepenuhnya yang akan membebankan orang ramai.

"Jika mereka dibenar mengenakan tambang penuh, mereka akan berjaya kerana jumlah penumpang PUTRA, contohnya, amat tinggi, hampir tiga juta penumpang sebulan. Jadi mereka boleh mendapat wang jika mereka dibenar mengenakan tambang penuh," katanya.

Orang ramai masih merasakan mereka berhak mendapatkan "perkhidmatan bertaraf dunia tetapi mereka tidak begitu bersedia untuk membayar tambang bertaraf dunia," tambahnya.

Beliau memberi contoh, penumpang yang menaiki LRT PUTRA di laluan sepanjang 29 kiloleter membayar kurang daripada RM3, sementara mereka yang menggunakan Lingkaran Rel Ekspress (ERL) ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL, iaitu kurang dua kali ganda jarak laluan LRT PUTRA, membayar RM25.

Ditanya apa yang kerajaan akan lakukan untuk menjadikan perkhidmatan LRT menguntungkan, Dr Mahathir berkata: "Kita sedang menunggu cadangan dari orang awam."

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia harus mempunyai keyakinan dalam syarikat-syarikat tempatan yang mengeluarkan produk yang sekarang ini diimport dari seberang laut.

"Kita perlu mempunyai keyakinan di dalamnya (syarikat-syarikat Malaysia) dan dengan keyakinan ini, mereka boleh mencuba dan meneroka sehingga mereka berjaya," tambahnya.

Dr Mahathir juga berkata usaha untuk mengeluarkan produk di dalam negara akan menyumbang kepada ekonomi negara menerusi penjimatan daripada aliran keluar wang.

Mengulas mengenai keretapi monorel yang dikeluarkan oleh Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd (MMT) bagi projek monorel di Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata pada awalnya, dicadangkan keretapi itu akan diimport.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan memutuskan untuk menukar rancangannya kerana ia kagum dengan keretapi prototaip yang dikeluarkan oleh MMT untuk projek monorel di Kuala Lumpur.

Sementara itu, Pengerusi MMT David Chew berkata keretapi yang dikeluarkan di dalam negara adalah 50 peratus lebih murah daripada yang diimport. -- BERNAMA

MOT FR JR